

22 APR 2002

Mahathir-MCA/I

MAHATHIR AKAN TEMUI PEMIMPIN MCA MENGENAI KONFLIK PARTI

SEPANG, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau perlu berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam MCA mengenai masalah yang sedang berlaku dalam parti itu sebelum membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara itu.

Perdana Menteri telah diujani dengan soalan mengenai isu yang menyelubungi MCA pada persidangan media sejurus selepas ketibaannya di Lapangan Terbang Anatarabangsa KL (KLIA) di sini dari lawatan ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Apabila ditanya mengenai cadangan pencalonan hari ini bagi pemilihan peringkat bahagian parti itu yang sedang dipertikaikan, Dr Mahathir berkata: "Saya akan menyatakannya setelah saya berbincang dengan mereka yang berkenaan."

Beliau berkata semua krisis pada akhirnya diselesaikan juga.

Ketika ditemui pemberita di lapangan terbang itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau tidak membincangkan isu-isu parti dengan Dr Mahathir di lapangan terbang itu.

Ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri hari ini, Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata pihak media akan diberitahu mengenainya sebaik sahaja janji temu diperolehi.

Mengeni proses pencalonan itu, beliau berkata: "Mengikut apa yang diberitahu kepada saya, semuanya selaras dengan perlembagaan. Semuanya mengikut peraturan dan ia seharusnya diteruskan."

Difahamkan bahawa penjadualan semula pemilihan peringkat bahagian adalah antara tiga perkara utama dalam memorandum mengenai agenda Perdana Menteri bagi perdamaian dan kestabilan ke arah menamatkan perbalahan dalam MCA itu.

Dua perkara lagi ialah mengekalkan status quo di semua peringkat parti dan membatalkan cadangan mesyuarat agung luar biasa (EGM) oleh Team B pimpinan Timbalan Presiden parti itu Datuk Seri Lim Ah Lek.

Dr Ling dilaporkan berkata semalam bahawa sesetengah daripada cadangan yang sudah ditandatangani oleh Team B adalah tidak mengikut perlembagaan.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO